



**MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI  
KEDAH DARUL AMAN**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** di **Kedah Darul Aman** dan **MPSPK** yang masih dibenar membuat kerja-kerja sebut harga adalah dipelawa untuk mendaftar bagi kerja-kerja sebut harga di bawah ini.

BIL.	NO. SEBUT HARGA	PROJEK	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT BERKUMPUL	JAM	TARIKH LAWAT TAPAK
1	52/2020 (KEJ)	Cadangan Menaiktaraf Jeti Penumpang Tanjung Dawai, Kedah Darul Aman	CIDB Gred G2, Kategori CE Pengkhususan CE03 (Struktur Marin), CE02 (Pembinaan Jambatan dan Jeti)	Jeti Penumpang Tanjung Dawai	10.30 pagi	09 Sept 2020  Kontraktor diwajibkan mendengar taklimat
2	53/2020 (KEJ)	Cadangan Kerja-Kerja Bagi Program Bandar Selamat 2020 di Bandar Puteri Jaya, Sungai Petani, Kedah Darul Aman Untuk Inisiatif Pemutihan Kawasan Blackspot	CIDB Gred G2, Kategori B Pengkhususan B04	-	-	Lawatan tapak tidak diwajibkan

Lawatan tapak adalah **diwajibkan**. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebut harga di atas hendaklah datang sendiri (**wakil tidak dibenarkan**) membawa bersama dokumen asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**

Harga Dokumen : **RM 10.00 Senaskah (Tunai)**

Dokumen tawaran ini boleh didapati dari Jabatan Kewangan (Seksyen Perolehan) mulai **09 September 2020** pada hari dan waktu seperti berikut :-

<b>Ahad hingga Rabu</b>	<b>:</b>	<b>8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari</b>
		<b>2.15 petang hingga 4.45 petang</b>
<b>Khamis</b>	<b>:</b>	<b>8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari</b>
		<b>2.15 petang hingga 3.15 petang</b>

Kontraktor dikehendaki membawa dokumen asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** serta **satu salinan** semasa membeli dokumen sebut harga.

Tarikh tutup sebut harga ialah pada **22 September 2020**, jam **12.00 tengah hari**. Dokumen tawaran sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri / bermeteri, nama tawaran dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat **Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman**.

**Pihak kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali daripada mana-mana tawaran.**